

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 20 DECEMBER 2016 |

Najib beri jaminan

UM-20/12/2016

Oleh ASSIM HASSAN

pengarang@utusan.com.my

■ LAHAD DATU 19 DIS.

DATUK Seri Najib Tun Razak membalas budi terhadap sokongan padu rakyat Sabah kepada Barisan Nasional (BN) dengan berjanji akan terus membawa pelbagai pembangunan untuk dinikmati segenap lapisan masyarakat di negeri ini.

Perdana Menteri berkata, sejak beliau mentadbir, Kerajaan Pusat mempunyai banyak agenda dan visi untuk menjadikan Sabah sebuah negeri maju, justeru Lebuhraya Pan Borneo merupakan salah satu daripadanya.

Beliau berkata, projek yang



Hari ini saya menunaikan janji datang ke sini untuk melancarkan Lebuhraya Pan Borneo Sabah pakej Jalan Pintas Lahad Datu."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

menelan perbelanjaan lebih RM12 bilion untuk fasa pertama itu juga bakal menjadi legasi beliau kepada rakyat Sabah untuk diingati di sepanjang era pentadbirannya.

"Hari ini saya menunaikan janji datang ke sini untuk melanc-

arkan Lebuhraya Pan Borneo Sabah pakej Jalan Pintas Lahad Datu. Saya janji akan hadir setiap pelancaran pakej lebuhraya ini.

"Sebab saya mahu orang Sabah ingat pada zaman pentadbiran saya sebagai Perdana Menteri, saya beri ini (Lebuhraya Pan Borneo) kepada rakyat Sabah dan akan terus berjuang membawa perubahan kepada negeri ini," katanya ketika berucap melancarkan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah bagi pakej Jalan Pintas Lahad Datu yang bernilai RM165 juta di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Sepagaya di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri

Fadillah Yusof.

Projek itu melibatkan kerja-kerja pembinaan jalan baharu empat lorong dua hala serta pembinaan jambatan baharu merentasi Sungai Sepagaya sepanjang 32 meter yang turut mengambil kira kriteria seismik atau gempa bumi.

Laluan itu apabila siap kelak akan memendekkan jarak perjalanan pengguna laluan Tawau-Sandakan kepada hanya tujuh kilometer berbanding 17 kilometer sebelum ini.

Dalam ucapannya, Najib turut memberi peringatan tegas kepada kontraktor utama tempatan untuk projek itu supaya bersikap adil dan tidak 'membuli' kontraktor kecil selain membayar tuntu-

tan mereka mengikut jadual.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menambah, kejayaan fasa pertama projek itu adalah hasil kerjasama erat Kerajaan Pusat dan negeri yang mahu melihat perubahan berterusan demi manfaat rakyat Sabah.

Katanya, kerajaan negeri di bawah kepemimpinan Musa sentiasa menyambut baik sebarang kerjasama dengan Pusat terutama yang membawa manfaat kepada Sabah.

Sementara itu, Perdana Menteri mengingatkan rakyat bahawa projek pembangunan hanya dapat diberikan jika mereka memberi sokongan kepada kerajaan bukannya parti serpihan yang cuba menjatuhkan pemerintah.